

SOALAN NO. 39**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 8 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat mengkaji semula dan membawa pindaan kepada Artikel 121 (1A) Perlembagaan Malaysia dan Law Reform (Marriages & Divorce) Act 1976 selaras dengan keputusan Mahkamah Persekutuan yang terkini.

93

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama Fasal (1) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan telah dimasukkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 [Akta A704] yang berkuat kuasa pada 10 Jun 1988. Hasrat pindaan ini telah dinyatakan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) di Dewan Rakyat pada 17 Mac 1988 seperti yang berikut:

“Adalah sangat penting menjamin kewibawaan Mahkamah Syariah oleh kerana sudah sewajarnya Mahkamah Syariah diberi kuasa penuh untuk menentu dan memutuskan perkara-perkara yang termasuk dalam bidang kuasanya, apatah lagi kerana perkara-perkara itu melibatkan Hukum Syara’.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan juga supaya ditambah satu Fasal baru kepada Perkara 121 itu, iaitu Fasal (1A), yang menjelaskan bahawa mahkamah-mahkamah yang tersebut dalam Perkara itu tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara yang

terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan Mahkamah Tinggi supaya rujukan boleh dibuat oleh pihak yang tidak berpuas hati”.

Kedudukan Fasal (1A) Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan telah pun ditafsirkan dengan jelas dalam penghakiman kes Indira Gandhi a/p Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors. And Other Appeals [2018] 1 MLJ 545 seperti yang berikut:

“It is clear that art 121 (1A) was introduced not for the purpose of ousting the jurisdiction of the civil courts. It was introduced in order to avoid any conflict between the decision of the Syariah Courts and the civil courts which had occurred in a number of cases before.”.

Negara kita mengamalkan doktrin pengasingan kuasa dan salah satu prinsip yang kukuh dalam mempertahankan sistem ini ialah fungsi mahkamah dalam mentafsir undang-undang. Hal ini dijelaskan dalam penghakiman dalam dua kes Mahkamah Persekutuan iaitu Loh Kooi Choon v. Government Of Malaysia [1975] 1 LNS 90 dan kes Yang Dipertua Dewan Rakyat & Ors v. Gobind Singh Deo: [2014] 9 CLJ 577.

Sehubungan dengan itu, memandangkan tafsiran yang jelas telah diberikan oleh Mahkamah, keputusan badan kehakiman berhubung dengan peruntukan undang-undang hendaklah dihormati dan diikuti oleh semua badan yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, apa-apa cadangan untuk menggubal Rang Undang-Undang seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan perkara dasar yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.